

Mengenai Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM)

Ditubuhkan pada tahun 2015, Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) merupakan sebuah pertubuhan di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan 1966 dengan nombor pendaftaran PPM-022-10-04112015. Kami adalah satu-satunya dewan perniagaan yang berkaitan dengan vape yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tujuan utama kami adalah untuk membantu industri vape di Malaysia agar ia lebih berdaya saing dan lebih berstruktur secara keseluruhannya. Dengan bantuan dari ahli kami yang berdedikasi, kami telah menganjurkan kempen kesedaran, acara membina komuniti, latihan mendalam serta sesi perbincangan bersama agensi kerajaan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di <https://vapemalaysia.org/> atau hubungi 03-2181 8300.



KAJIAN INDUSTRI VAPE MALAYSIA

LAPORAN
DEWAN PERNIAGAAN VAPE MALAYSIA



DEWAN PERNIAGAAN VAPE MALAYSIA
MALAYSIAN VAPE CHAMBER OF COMMERCE



GreenZebras

A market research company of a different stripe



KANDUNGAN

MUKADIMAH DEWAN PERNIAGAAN VAPE MALAYSIA	2
Ringkasan Eksekutif	3
PENGENALAN	4
Sejarah Vape di Malaysia	5
INDUSTRI VAPE DI MALAYSIA	6
Nilai Industri Vape di Malaysia	6
Gambaran Keseluruhan Rantaian Bekalan	6
Tenaga Kerja Manusia	8
PENGGUNA VAPE DI MALAYSIA	9
Saiz Pengguna Vape di Malaysia	9
Jenis Pengguna Vape	10
BUKTI DARIPADA KAJIAN LAIN TENTANG PENGGUNAAN VAPE	11
CADANGAN DPVM KEPADA KERAJAAN MALAYSIA	13
MASA DEPAN INDUSTRI VAPE MALAYSIA	15

MUKADIMAH DEWAN PERNIAGAAN VAPE MALAYSIA

Industri vape di Malaysia yang sedang berkembang pantas masih dibelenggu ketidakpastian, memandangkan tiada langkah tegas diambil oleh pihak berkuasa untuk memperkenalkan peraturan bagi industri vape setakat ini. Walaupun pihak kerajaan telah membuat keputusan untuk mengawal selia industri pada 2016, namun tiada peraturan dilaksanakan sehingga kini.

Walaupun begitu, industri vape Malaysia terus berdaya maju dan dianggarkan bernilai RM2.27 bilion. Industri ini agak besar dan telah melahirkan ramai usahawan tempatan. Dianggarkan terdapat lebih 3,300 perniagaan yang terlibat dalam industri vape di Malaysia, dengan tenaga kerja yang melebihi 15,000 orang. Tidak dapat dinafikan, industri ini memberikan sumbangan positif kepada ekonomi negara, dan jika dikawal selia dengan sewajarnya, akan turut menyumbang kepada hasil negara.

Oleh yang demikian, amat wajar bagi pihak kerajaan untuk memperkenalkan peraturan yang sewajarnya untuk mengawal selia industri yang mencatatkan pertumbuhan kukuh di Malaysia ini. Malah, peraturan yang perlu dilaksanakan adalah berkaitan dengan penjualan dan penggunaan nikotin dalam produk vape, kerana sekatan sedia ada yang dikenakan ke atas nikotin di bawah Akta Racun 1952 adalah tidak sejajar dengan perkembangan yang berlaku di negara-negara lain yang sudah pun mengawal selia industri vape.

Para peserta industri menyokong dasar yang membolehkan industri dikawal selia dengan sewajarnya. Sebab itulah kami mengalu-alukan pengumuman pihak kerajaan dalam Belanjawan 2021 untuk memperkenalkan cukai eksais ke atas produk vape bermula pada tahun 2021. Kami percaya ini adalah langkah yang baik dalam usaha mengawal selia industri ini.

Bagaimanapun, pendekatan menyeluruh perlu diguna pakai terhadap produk vape. Walaupun cukai telah dikenakan ke atas produk, ia perlu dilengkapi dengan rangka kerja yang merangkumi kualiti dan piawaian produk untuk melindungi pengguna dan juga memastikan produk tidak jatuh ke tangan kumpulan di bawah umur. Sesungguhnya kita sudah sampai ke titik persimpangan di mana tindakan yang sukar dan kritikal perlu diambil untuk mengawal selia industri vape.

Buat masa ini, masih tiada kajian mendalam dilakukan terhadap industri vape di Malaysia, dan kami berharap kajian sulung ini dapat mengisi kekosongan tersebut. Dalam kajian ini, kami membentangkan tinjauan semasa bagi industri vape di Malaysia dan menekankan betapa perlunya tindakan pengawalseliaan yang teliti untuk membantu pihak kerajaan menetapkan dasar dan peraturan yang sesuai bagi industri vape yang terus berkembang ini.



Syed Azaudin Syed Ahmad
Presiden
Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM)

Ringkasan Eksekutif

Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM) telah melantik Green Zebras, sebuah agensi penyelidikan pasaran di Malaysia, untuk mengendalikan tinjauan bertajuk **Kajian Industri Vape Malaysia** (Study on the Malaysian Vaping Industry). Tinjauan yang dilakukan menerusi soal selidik dalam talian ini melibatkan 300 pengguna dan 397 peruncit, pengilang dan pengimport di seluruh Malaysia pada akhir 2019, yang kebanyakannya merupakan ahli DPVM.

Kajian ini bertujuan mengunjurkan nilai industri vape Malaysia dan sumbangannya kepada ekonomi negara, di samping mendalami sebab-sebab utama pengguna memilih vape. Berbeza dari negara lain di rantau ini, sejak beberapa tahun lalu, Malaysia menghadapi cabaran dalam menarik pelaburan langsung asing (FDI). Oleh itu, pengawalan industri vape yang semakin bertumbuh bukan sahaja akan menyumbang kepada ekonomi Malaysia tetapi juga akan mengembangkan FDI ke dalam industri yang sedang berkembang pesat ini. Malah, sistem kawal selia industri ini akan memberi banyak kesan positif termasuk penambahan pendapatan dalam bentuk cukai kepada kerajaan.

INDUSTRI VAPE DI MALAYSIA SUDAH MANTAP, DENGAN POTENSI BESAR KEPADA EKONOMI SELAIN MEMBUKA PELUANG PERNIAGAAN BAGI PKS

Nilai runcit = **RM2.27 bilion**
(pengilang, pengimport & peruncit)



330 pengilang dan pengimport

28% daripada pengilang and pengimport sudah mengembangkan sayap ke pasaran antarabangsa dengan mengeksport produk berkaitan vape


3,000 peruncit




KUMPULAN PENGGUNA YANG BESAR DENGAN TABURAN KAUM YANG MENCERMINKAN DEMOGRAFI BERBILANG KAUM MALAYSIA



Dianggarkan terdapat **1.12 juta** pengguna vape di Malaysia berasaskan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi Malaysia 2019



Profil etnik



Julat umur

SEBAB MENGGUNAKAN VAPE



57% memilih vape sebagai cara untuk berhenti merokok

94% pernah merokok


71% telah menggunakan vape lebih daripada enam (6) bulan

56% berpendapat vape kurang berbahaya berbanding menghisap rokok

MENCIPTA PELUANG PEKERJAAN BAGI MASYARAKAT MELAYU



> 15,000 pekerja yang bekerja secara langsung dalam industri ini



Majoriti kakitangan Melayu

Majoriti berusia antara 19 - 30 tahun

■ Segmen pengilangan dan pengimport
■ Segmen peruncitan

PENGENALAN

Istilah vape, e-rokok, e-hookah, pen vape dan 'electronic nicotine delivery system' digunakan secara saling ganti di Malaysia dan di negara lain. Untuk tujuan laporan ini, istilah 'vape' digunakan kerana lebih dikenali dan diterima umum di Malaysia.


Konsep vape merujuk kepada penggunaan peranti elektronik yang memanaskan cecair dan menjadikannya aerosol (wap) yang disedut oleh pengguna.

KOMPONEN BIASA BAGI PRODUK VAPE



Peranti

Peranti berkuasakan bateri yang digunakan untuk menyedut aerosol



Pod (juga dikenali sebagai tangki atau kartrij)

Pod adalah sebahagian daripada peranti atau boleh disambungkan kepada peranti. Pod ini boleh didapati dalam bentuk sedia diisi atau boleh diisi semula.



Cecair (juga dikenali sebagai e-cecair, cecair vape, jus vape)

Cecair biasanya mengandungi Propilena Glikol (PG), Gliserin Sayur (VG), air, perisa dan nikotin. Sesetengah cecair tidak mengandungi sebarang nikotin.



Sejarah Vape di Malaysia



Penggunaan produk Vape di Malaysia telah bermula sebelum 2010 lagi, tetapi semakin berkembang mulai 2010. Menjelang 2015, pasaran vape Malaysia telah berkembang pesat, dengan pilihan luas peranti sistem terbuka dan e-cecair isian semula. Industri vape Malaysia bernilai RM2 bilion ketika itu dan dipercayai industri vape Malaysia ialah yang kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat^[1]. Kini terdapat lebih banyak peranti sistem tertutup di pasaran, seiring dengan perkembangan global.

Pada hari ini, industri vape mempunyai nilai runcit RM2.27 bilion setahun, dengan lebih 3,300 perniagaan berkaitan vape telah ditubuhkan, sekali gus mewujudkan lebih daripada 15,000 pekerjaan di Malaysia. Majoriti daripada perniagaan terdiri daripada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan dikendalikan oleh usahawan Malaysia.

Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 oleh Kementerian Kesihatan, terdapat 1.12 juta pengguna vape di negara ini.

Walaupun jumlah pengguna agak besar dan ekosistem mapan telah wujud, peraturan untuk mengawal selia industri ini masih belum dirangka oleh kerajaan Malaysia. Pihak industri dan mereka yang turut menyokong keperluan ini telah menyuarakan hasrat mereka secara lantang. Malah pada 2016, pihak kerajaan telah bersetuju untuk merangka undang-undang untuk mengawal selia industri^[2]. Namun begitu, tiada peraturan khusus telah diperkenalkan setakat ini.

Terdapat hanya satu garis panduan untuk industri, iaitu *Garis Panduan Aktiviti Pengeluaran, Pengedaran dan Peruncitan Peranti serta Cecair Rokok Elektronik tanpa Nikotin* yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada 2018^[3].

Dalam pengumuman Belanjaan Malaysia 2021 baru-baru ini, peranti rokok elektronik, termasuk vape, dikenakan duti eksais 10% manakala e-cecair vape turut dikenakan duti eksais 40 sen setiap ml, mulai 1 Januari 2021^[4]. Bagaimanapun, cukai ini telah diperjelaskan dan hanya berkuat kuasa ke atas produk bukan berasaskan nikotin^[5].

^[1] Whither this business of vaping?, The Edge Malaysia, 24 November 2015.

^[2] Three ministries to regulate use of e-cigarette, vape, Malay Mail Online, 29 December 2016.

^[3] Garis Panduan Aktiviti Pengeluaran, Pengedaran dan Peruncitan Peranti serta Cecair Rokok Elektronik tanpa Nikotin, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, 1 April 2018.

^[4] Excise duty to be imposed on all electronic, non-electronic cigarettes, The Star Online, 6 November 2021.

^[5] Excise duty imposed on e-cigarette devices, vape gels and juices from 2021, NST Online, 8 December 2020.

INDUSTRI VAPE DI MALAYSIA

Nilai Industri Vape di Malaysia

Saiz pasaran vape global bernilai USD12.41 bilion pada 2019 dan pasaran ini dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan terkompoun tahunan (CAGR) 23.8% dari 2020 hingga 2027^[6]. Di Asia Pasifik, industri ini diunjurkan berkembang pada CAGR 1.93% untuk tempoh antara 2020 hingga 2025^[7].

Dalam pada itu, industri vape di Malaysia juga pesat berkembang, dengan pertumbuhan CAGR **44%** pada 2019 berbanding 2018, sekali gus menunjukkan potensi besar bagi ekonomi negara. Secara perbandingan, sektor lain yang sedang berkembang maju di Malaysia, seperti e-dagang dijangka berkembang pada CAGR **14.3%** antara 2020 dan 2024^[8]; manakala pasaran teknologi diunjurkan bakal mencatatkan CAGR **8.9%** antara 2019 dan 2023^[9].

^[6]E-cigarette and Vape Market Size, Share & Trends Analysis Report By Product (Disposable, Rechargeable), By Component (Vape Mod, E-liquid), By Distribution Channel, And Segment Forecasts, 2020 - 2027 - Grandview Research.
^[7]Asia-Pacific E-cigarettes Market - Growth, Trends and Forecast (2020 - 2025).
^[8]Covid-19 Accelerates e-Commerce Growth in Malaysia, GlobalData, 8 September 2020.
^[9]Tech spending in Malaysia set to surpass \$25B by 2023, ChannelAsia, 17 Mac 2020.

Gambaran Keseluruhan Rantaian Bekalan

Rantaian bekalan industri vape di Malaysia merangkumi pengilangan, pengimportan dan peruncitan produk vape. Kajian Industri Vape Malaysia oleh DPVM meneliti segmen-segmen yang terbabit untuk mengunjurkan saiz dan nilai setiap segmen tersebut.


Pengilang

DPVM menganggarkan terdapat kira-kira **300** pengilang di Malaysia.

Secara purata



Kebanyakan mengilang dan menjual



Pengimport

DPVM menganggarkan terdapat **30** pengimport vape di Malaysia



Produk yang diimport




Hampir kesemua pengimport mengedarkan produk vape menggunakan sistem pengedaran dari pihak ketiga, menunjukkan mereka bergantung kepada industri sokongan untuk mengedarkan produk kepada pelanggan mereka.

Peruncit


DPVM menganggarkan terdapat kira-kira **3,000** kedai penjualan vape di Malaysia, yang merupakan kedai vape khusus yang hanya menjual produk vape.



Lokasi utama




43% penjual vape menjual menerusi platform jualan dalam talian



Nisbah jualan



Secara purata



Jualan purata bulanan setiap kedai vape = **RM63,000** pada tahun 2019
 Nilai pasaran industri vape = **RM2.27 bilion** pada tahun 2019


Industri vape di Malaysia mempunyai ekosistem yang mapan, dengan pengilang, pengimport dan peruncit, dan bilangan perniagaan berkaitan vape berjumlah kira-kira 3,300.

Industri ini telah mencipta peluang pekerjaan dan menjadi punca pendapatan kepada lebih 15,000 pekerja pada 2019.



Perniagaan-perniagaan ini terdiri daripada PKS dan kebanyakannya dikendalikan oleh **usahawan Melayu**.

Tenaga kerja industri ini kebanyakannya terdiri daripada orang dewasa **berusia di bawah 30 tahun** dan berbangsa Melayu.



Dari segi gaji, dianggarkan sehingga **RM450 juta** telah dibelanjakan untuk membayar gaji bagi **15,000 pekerja** yang berkecimpung dalam industri vape pada 2019.

Saiz Pengguna Vape di Malaysia


Beberapa tahun kebelakangan ini, tidak banyak kajian dilaksanakan untuk menentukan bilangan pengguna vape di Malaysia.

Bagaimanapun, Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (TKKM) 2019 Kementerian Kesihatan Malaysia, melaporkan bilangan pengguna vape di Malaysia berjumlah kira-kira **1.12 juta** atau lebih kurang **4.9%** daripada jumlah penduduk Malaysia.




Jenis Pengguna Vape


Berasaskan Kajian Vape Industri Malaysia yang dibuat oleh DPVM, hasilnya menunjukkan




Pembelian peranti vape



Perbelanjaan purata sebulan



Corak penggunaan



Pengguna vape dalam Kajian Industri Vape di Malaysia oleh DPVM juga ditanya sebab utama mereka memilih vape dan juga jika mereka mempunyai sejarah merokok.



BUKTI DARIPADA KAJIAN LAIN TENTANG PENGGUNAAN VAPE

Berasaskan pemerhatian DPVM pada tahun-tahun kebelakangan ini, terdapat perdebatan hangat tentang penggunaan vape dan kesan kesihatan ke atas pengguna di samping keupayaannya membantu perokok berhenti merokok.

Bahagian ini bertujuan memberikan gambaran keseluruhan tentang penyelidikan saintifik sedia ada yang dilaksanakan oleh badan-badan berwibawa dan bebas, termasuk agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) kesihatan awam mengenai vape, khususnya berkaitan dengan dua topik berikut.

Adakah penggunaan vape lebih berbahaya berbanding menghisap rokok?

DPVM percaya terdapat salah faham meluas tentang vape, terutamanya tanggapan yang wujud bahawa vape sama bahaya atau lebih berbahaya daripada merokok. Hakikatnya tanggapan ini bercanggah daripada bukti yang dikemukakan oleh pakar.

Public Health England (PHE), sebuah agensi kesihatan kerajaan di UK, telah menerbitkan satu penilaian bukti oleh pakar bebas pada 2015 yang merumuskan bahawa penggunaan vape adalah kira-kira 95% kurang mudarat berbanding merokok dan berupaya membantu perokok berhenti merokok^[10].

Pada 2018, walaupun terdapat keraguan terhadap penemuan sebelumnya, PHE menekan dan menegaskan bahawa vape adalah 95% kurang mudarat daripada tembakau. Dalam penilaian yang dikemas kini, PHE^[11] menyatakan bahawa:



Kajian ini telah mendapat sokongan daripada agensi kesihatan lain dan juga NGO. National Health Service (NHS) Scotland juga telah mengeluarkan kenyataan, yang ditandatangani bersama oleh Action on Smoking & Health Scotland (AHS), Royal College of Physicians of Edinburgh dan lain-lain, yang menekankan bahawa vape sememangnya kurang berbahaya berbanding rokok.^[12] Di samping itu, Royal College of General Practitioners and Cancer Research UK^[13] juga menyatakan bahawa penggunaan vape adalah alternatif yang jauh kurang berbahaya berbanding merokok.

Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan Kanada^[14] dan Kementerian Kesihatan New Zealand^[15] juga menyimpulkan bahawa penggunaan vape kurang mudarat daripada menghisap rokok.

The evidence so far shows that e-cigarettes are far less harmful than smoking



[10] Public Health England (2015), E-cigarettes: an evidence update 2015.
[11] Public Health England (2018), Evidence review of e-cigarettes and heated tobacco products 2018.
[12] Kenyataan Sepakat mengenai e-rokok (2017), NHS Scotland.
[13] Kenyataan Pendirian Bersama Mengenai E-Rokok (2017), Royal College of General Practitioners and Cancer Research UK.
[14] 'Vaping and Quitting Smoking', Kanada.
[15] Penyata Pendirian Kementerian Kesihatan New Zealand mengenai Vape.

Bolehkah vape membantu perokok berhenti merokok?

Banyak agensi kesihatan awam kerajaan, NGO kesihatan awam dan ahli akademik bersetuju bahawa vape boleh memainkan peranan untuk membantu perokok berhenti merokok.

Selain daripada hasil penemuan PHE yang merumuskan bahawa vape berkesan membantu perokok berhenti merokok, terdapat pelbagai kajian lain yang mencapai kesimpulan yang sama.

British Medical Association telah menerbitkan laporan^[16] dan membuat kesimpulan bahawa vape mempunyai potensi besar untuk menyokong usaha berhenti merokok. Laporan tersebut menyatakan bahawa data mereka menunjukkan **“34% daripada perokok cuba berhenti merokok menerusi e-rokok”**.

Kajian-kajian lain termasuk:

Kajian University College London^[17]

Perokok dewasa yang cuba berhenti merokok melalui penggunaan vape mempunyai kebarangkalian **95%** lebih tinggi untuk berhenti merokok berbanding mereka yang tidak menggunakan produk vape.

The UK House of Commons^[18]

Jabatan Kesihatan dan Sosial UK menganggarkan bahawa vape memainkan peranan membantu antara **16,000** dan **22,000** orang untuk berhenti merokok setiap tahun, yang tidak mungkin akan mencapai kejayaan jika menggunakan terapi penggantian nikotin atau membulatkan azam semata-mata.



Satu kajian yang mendapat Geran Penyelidikan Universiti Malaya

Pada 2016, kajian ini mendapati bahawa **88%** daripada pengguna di Malaysia mula menggunakan vape sebagai cara untuk berhenti merokok^[19].

Penilaian Cochrane^[20]

Dikemas kini pada **2020** bertajuk *Electronic cigarettes for smoking cessation* (Rokok elektronik untuk berhenti merokok) yang meninjau **50 kajian** yang dilakukan di Amerika Syarikat, UK, Itali, Australia, New Zealand, Greece, Belgium, Kanada, Poland, Korea Selatan, Afrika Selatan, Switzerland dan Turki, mendapati perokok mungkin berhenti merokok selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dengan bertukar kepada vape dengan e-cecair nikotin berbanding terapi penggantian nikotin, vape bebas nikotin atau sokongan tingkah laku.

Semua penemuan ini menambah kepada bukti yang menunjukkan keberkesanan vape untuk membantu perokok menghentikan tabiat merokok.

[16] E-Cigarettes Balancing Risks and Opportunities, Persatuan Perubatan British (2017).

[17] Jackson et al, 'Moderators of Real-World Effectiveness of Smoking Cessation Aids: A Population Study' (2019).

[18] Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Dewan Rakyat Britain, E-Rokok (Laporan Ke-7, HC 505, 2017-2019).

[19] Reasons for Using Electronic Cigarettes and Intentions to Quit Among Electronic Cigarette Users in Malaysia, (2016).

[20] Electronic cigarettes for smoking cessation (2020) Cochrane.

CADANGAN DPVM KEPADA KERAJAAN MALAYSIA

Terdapat perdebatan hangat tentang sama ada pihak kerajaan akan memperkenalkan peraturan untuk mengawal selia industri vape. Kerajaan sudah mengumumkan dalam Belanjawan 2021 bahawa mulai 1 Januari 2021, cukai eksais akan dikenakan ke atas produk vape.

Walaupun DPVM menganggap langkah yang diambil in tepat dan menuju ke arah pengawal seliaan industri, adalah amat penting agar sistem cukai diperluas untuk merangkumi e-cecair mengandungi nikotin dan disokong oleh peraturan terutamanya berkaitan dengan kebenaran dan pengawal seliaan penggunaan nikotin dalam e-cecair.



DPVM percaya langkah memperkenalkan peraturan sewajarnya yang termasuk mengawal selia penjualan e-cecair yang mengandungi nikotin boleh membantu pihak kerajaan mencapai perkara berikut:

Mencetus kesan penganda ekonomi sebenar, menyokong pertumbuhan PKS Bumiputera

Terdapat ekosistem yang cukup besar, meliputi rangkaian pengilang, pengimport dan kedai vape yang sebahagian besarnya dikendalikan oleh usahawan Bumiputera. Di samping itu, industri sokongan juga wujud, membabitkan pembekal bahan mentah dan pengedar di dalam industri.

Kini industri ini mewujudkan sebanyak 3,300 perniagaan, yang dianggarkan bernilai kira-kira RM2.27 bilion.

Dengan pelaksanaan peraturan yang sewajarnya, PKS Malaysia dalam industri ini akan mendapat manfaat dan memberikan sumbangan sah kepada sektor ekonomi yang sedang giat berkembang.

Tambahan lagi, diunjurkan bahawa peraturan akan membuka peluang dan mewujudkan kepastian serta menarik pelaburan lebih besar ke pasaran. Ini akan memberi pengguna vape pilihan dan produk yang inovatif, lantas mendorong dan menggalakan PKS untuk meningkatkan piawaian, kualiti dan kepakaran masing-masing.

Memandangkan pasaran vape terus berkembang maju di seluruh dunia, perkembangan ini juga akan membolehkan peserta Malaysia bersaing di pasaran global.

Mencipta peluang pekerjaan dalam sektor yang sah

Berasaskan pelbagai hasil kajian yang telah diterbitkan setakat ini, kami meramalkan permintaan global bagi peranti dan e-cecair akan terus meningkat memandangkan lebih ramai perokok bertukar kepada vape. Malah, permintaan bagi pekerja mahir dalam industri vape di seluruh dunia akan semakin ketara.

Di Malaysia, industri vape telah mencipta peluang pekerjaan untuk lebih 15,000 pekerja. Dengan memperkenalkan peraturan yang sesuai, lebih banyak pekerjaan akan dicipta, terutamanya dalam pengilangan peranti dan e-cecair dan juga penjualan dan pengedaran produk di pasaran.

Ini akan memberi sumbangan positif kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia, terutamanya dalam situasi semasa, di mana pandemik Covid-19 nyata menjejaskan banyak sektor dan pekerja.

Menarik FDI ke dalam Industri vape

Hakikatnya industri vape mempunyai potensi yang besar untuk menarik FDI. Buat masa ini, industri masih belum menerima FDI kerana hala tuju kerajaan yang kurang jelas dalam usaha mengawal selia industri, terutama sekali dari segi penggunaan e-cecair yang mengandungi nikotin.

Di peringkat global, kami dapati bahawa banyak syarikat multinasional telah membuat pelaburan besar dalam industri vape kerana potensi pertumbuhannya dan permintaan yang kian meningkat di seluruh dunia.

Kami yakin Malaysia akan mendapat manfaat besar daripada peluang FDI jika peraturan yang sewajarnya dirangka untuk mentadbir dan menyokong industri ini.

Menjana hasil cukai bagi kerajaan

Mulai 1 Januari 2021, kerajaan akan mengenakan duti eksais 10% ke atas peranti vape untuk semua jenis vape dan 40 sen setiap ml ke atas e-cecair yang digunakan dalam produk vape. Bagaimanapun, difahamkan bahawa cukai hanya akan dikenakan ke atas e-cecair tanpa nikotin.

Walaupun ini adalah pengiktirafan positif terhadap industri vape sebagai penyumbang kepada KDNK (keluaran dalam negara kasar) negara dan langkah

awal bagi mengawal selia industri, skop cukai perlu diperluas untuk merangkumi cecair vape dengan nikotin kerana sebahagian besar daripada cecair yang dijual di pasaran mengandungi nikotin.

Kami menganggarkan bahawa kerajaan dapat meraih sehingga RM0.3 bilion dalam hasil cukai eksais pada tahun pertama pengutipan cukai sekiranya pelaksanaan mencakupi e-cecair dengan nikotin. Unjuran ini adalah berasaskan corak penggunaan pengguna dari anggaran jumlah jualan bulanan yang diambil dari peruncit vape di Malaysia, di mana e-cecair dengan nikotin merupakan komponen terbesar cukai yang boleh dikutip untuk kerajaan. Di samping itu, kutipan cukai tambahan boleh dibuat dalam bentuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan dan Cukai Korporat daripada peserta industri.

Meningkatkan kualiti dan piawaian produk

Manfaat mengawal selia industri dan menyediakan piawaian akan menghasilkan kualiti produk ditanda aras lebih baik yang boleh meningkatkan permintaan, mengukuhkan inovasi dan meluaskan pilihan. Apabila pasaran menjadi terbuka kepada semua pihak, manfaat akan diperolehi daripada faktor seperti penjimatan kos, lebih banyak pilihan jenama yang mapan, dan penyesuaian produk dan perisa, selain mengukuhkan saluran pengedaran yang akan memacu pertumbuhan.

Peserta tempatan juga akan dapat mengembangkan sayap operasi ke peringkat global dan tempatan, di samping bersaing dengan produk dikawal kualiti di peringkat global.

Pasaran akan mendapat manfaat daripada maklumat lebih jelas berkaitan risiko melalui perbandingan antara produk berbeza ke arah membuat keputusan secara maklum.

MASA DEPAN INDUSTRI VAPE MALAYSIA

Hala tuju dan masa depan industri vape amat bergantung kepada kedudukan pihak kerajaan kerana potensi industri terjejas akibat ketiadaan langkah jelas oleh pihak berkuasa untuk memperkenalkan peraturan bagi mengawal selia industri.

Setakat ini, industri sudah pun mempunyai sistem pembekalan yang terdiri daripada pengilang, pengimport dan peruncit dengan ekosistem pengedaran dan logistik yang semakin berkembang. Malahan, permintaan juga turut meningkat bagi memenuhi keperluan 1.12 juta pengguna vape di Malaysia. Ini sejajar dengan trend yang semakin meningkat di peringkat global dan DPVM yakin industri vape akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan, terutamanya bagi golongan Bumiputera.

Pertumbuhan perusahaan kecil hingga sederhana (PKS) dalam industri ini juga akan memainkan peranan penting ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Dasar Keusahawanan Kebangsaan 2030 (DKK 2030). Dengan 3,300

perniagaan yang terlibat secara langsung dalam industri vape membabitkan PKS, DKK 2030 mengunjurkan bahawa usahawan PKS bakal menjana 50% daripada KDNK Malaysia menjelang 2030.

Bagaimanapun, ketiadaan peraturan mungkin menjejaskan potensi pertumbuhan industri yang kukuh. Ini merupakan sebuah industri yang mampu menyumbang dari segi hasil kepada pihak kerajaan menerusi cukai, di samping mencipta peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia, menarik pelaburan langsung tempatan dan asing, membina ekosistem perniagaan yang berkembang maju khusus buat PKS, dan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan, terutama bagi segmen Bumiputera.

Kesimpulannya, Malaysia bakal mendapat manfaat besar daripada langkah memperkenalkan peraturan untuk mengawal selia industri vape.

